

Ramai yang beranggapan bahawa bekerja makan gaji bererti menjawat sesuatu jenis pekerjaan bergaji tetap dan lumayan. Ramai juga yang beranggapan bahawa kejayaan individu dalam kerjaya bergantung kepada sejauh mana kedudukan individu itu dalam sesuatu jawatan yang dipegangnya. Justeru, tidak hairan jika ramai anak muda berlumba-lumba untuk memegang jawatan tinggi. Hal ini merupakan tanggapan masyarakat mengenai maksud kerjaya itu sendiri.

Bagi individu yang ingin berjaya dalam kerjaya, tidak semestinya perlu makan gaji atau memegang jawatan yang besar dalam sesebuah syarikat. Apa yang penting ialah matlamat dan tujuan dia bekerja. Bagi individu yang tidak mempunyai kelulusan, bekerja sendiri tidak mendatangkan masalah. Alasan yang diberi oleh kelompok ini ialah mereka tidak ada pilihan. Mahu tidak mahu mereka terpaksa bekerja sendiri untuk menjamin masa depan.

Bekerja sendiri merupakan salah satu alternatif kerjaya yang boleh diceburi oleh seseorang individu sama ada mereka berpendidikan tinggi atau rendah. Oleh itu, individu yang tidak suka terikat dengan majikan dan berasakan mereka mempunyai potensi untuk berjaya dengan bekerja sendiri, bolehlah memilih bidang ini sebagai kerjaya.

Namun apa yang lebih penting, apabila seseorang bekerja sendiri maka sudah pasti individu tersebut dapat menikmati sesuatu kejayaan atas usahanya sendiri. Mereka adalah majikan. Mereka juga adalah pekerja dan yang lebih penting seseorang individu tidak terikat dengan waktu pejabat yang kadangkala mendatangkan tekanan. Segala perancangan dan masa depan perniagaan terletak di tangan mereka sendiri dan mereka sendirilah yang menetapkan hala tuju perniagaan mereka. Mereka bebas merancang aktiviti tugas harian dan membolehkan mereka bekerja dalam suasana yang lebih tenang dan terancang. Selain itu, usahawan ini juga boleh menjadi seorang jutawan jika kena dengan caranya. Hal ini tidak akan berlaku kepada pekerja yang makan gaji.

Kesimpulannya, bekerja sendiri mempunyai keistimewaan tersendiri. Semuanya terpuang kepada seseorang individu. Tenuk dada tanvalah masa depan anda sendiri.

A. Senaraikan 8 isi penting berpandukan petikan. Seret jawapan anda mengikut turutan.

FAEDAH-FAEDAH BEKERJA SENDIRI

Kita juga bebas menentukan masa bekerja dan tidak akan terikat dengan waktu pejabat.

Semua individu, sama ada mempunyai kelulusan atau tidak, boleh bekerja sendiri.

Paling penting kita mungkin boleh jadi jutawan.

Kita juga bebas merancang aktiviti harian.

Oleh itu, kita akan menikmati kejayaan hasil daripada usaha sendiri dengan rasa puas.

Hal ini kerana kita boleh menetapkan hala tuju perniagaan.

Jika bekerja sendiri, seseorang tidak akan terikat dengan majikan.

Di samping itu, kita dapat bekerja dalam suasana yang tenang.